

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

2021 - 2025



PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2021-2025.

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan atas usaha murni semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan julung kali ini sebagai mematuhi Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019.

OACP Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan ini mempamerkan kesungguhan organisasi untuk membanteras gejala rasuah dalam pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan awam bagi menjayakan visi, misi dan objektif organisasi.

Organisasi yang bebas daripada permasalahan rasuah dan integriti merupakan asas utama kepada keutuhan sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, dalam merealisasikan impian ini, ia memerlukan komitmen semua pihak melalui tadbir urus yang baik di semua peringkat.


Sehubungan dengan itu, OACP diterbitkan sebagai panduan untuk menjadikan warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan ke arah bebas rasuah dan berintegriti tinggi dengan mengenal pasti isu dan risiko rasuah di setiap bahagian dan seterusnya merangka mekanisme kawalan bagi memperkasa pencegahan rasuah di dalam organisasi.

Akhir kata, besar harapan saya agar warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dapat bersama-sama memberi komitmen dalam menghayati dan melaksanakan setiap inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini semasa menunaikan kewajipan dan tanggungjawab sebagai penjawat awam kepada masyarakat.

“Dinamik, Efektif dan Berintegriti”

MD RADZI BIN HASHIM

SETIAUSAHA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN



PENYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (OACP SPP) Tahun 2021 – 2025 dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP 2019 – 2023) dalam usaha menjadikan SPP sebagai sebuah organisasi yang bebas rasuah serta berintegriti. Ia juga merupakan salah satu usaha dalam mendukung aspirasi Kerajaan dalam membasmi dan menghapuskan amalan rasuah di pelbagai peringkat.

Dalam mengejar arus pemodenan masa kini, etika serta nilai-nilai murni sering kali diketepikan terutama apabila melibatkan kepentingan peribadi. Apabila wujudnya peluang dan ruang, integriti akan dipandang enteng dalam mengejar ketidaktelusan dalam melaksanakan tugas terutama tugas rasmi.

Demi membanteras isu rasuah ini daripada semakin menjadi barah, tiba masanya bagi warga SPP untuk terus menepis dan menangkis peluang serta menutup ruang rasuah yang ada agar budaya rasuah ini dapat dibendung dan dikekang sepenuhnya. Di samping itu, warga SPP perlu sentiasa komited membudayakan amalan integriti serta nilai-nilai murni dalam setiap tugas yang diamanahkan.

Besar harapan agar OACP SPP yang dibangunkan ini dapat membantu menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan budaya rasuah dalam organisasi. OACP ini juga diharap dapat memberi panduan kepada warga SPP dalam menjayakan inisiatif yang digariskan dalam usaha mengekang serta menghapuskan budaya rasuah ini.

KANDUNGAN

BAB 1

PENGENALAN SPP

BAB 2

ISU DAN CABARAN

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

BAB 4

TADBIR URUS OACP SPP

BAB 5

KESIMPULAN



BAB 1


PENGENALAN SPP

BAB 1

PENGENALAN SPP

1.1 LATAR BELAKANG

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Anggota Suruhanjaya SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya. Manakala urusetia SPP diketuai oleh Setiausaha. Carta struktur organisasi SPP seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Carta Organisasi SPP

1.2 VISI, MISI DAN OBJEKTIF SPP

VISI

Peneraju
Transformasi Modal
Insan Perkhidmatan
Pendidikan

MISI

Melantik dan
mengekalkan bakat
terbaik dalam
perkhidmatan
melalui pengurusan
perkhidmatan yang
transformatif

OBJEKTIF SPP

Memastikan kuasa-kuasa
di bawah Perkara 144 (1)
Perlembagaan
Persekutuan dalam
urusan
pelantikan, perkhidmatan,
tatatertib dan naik
pangkat dilaksanakan
dengan lebih efisien dan
efektif

1.3 FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu;

MELANTIK

MENGESAHKAN

MEMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN TETAP ATAU PERJAWATAN
BERPENCEN

MENAIKKAN PANGKAT

MELULUSKAN PERTUKARAN PELANTIKAN ATAU PERTUKARAN
PERKHIDMATAN

MENJALANKAN KAWALAN TATATERTIB

1.4 PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS SPP

Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu integriti, tadbir urus dan antirasuah di dalam negara terutama dalam sektor perkhidmatan awam. Usaha dan inisiatif yang dijalankan adalah untuk memastikan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran peruntukan kerajaan dapat dihapuskan. Hal ini adalah untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Bilangan 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk merangka, menggubal serta membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif untuk menangani isu integriti dan rasuah di dalam negara yang akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selaras dengan arahan tersebut, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang diterajui oleh Pusat Governans dan Antirasuah (GIACC) telah dihasilkan.

Lanjutan itu, Pelan Antirasuah Organisasi SPP 2021-2025 dibangunkan. Pelan ini telah mengenal pasti risiko sedia ada. Pelan ini menggariskan inisiatif yang praktikal untuk dilaksanakan. Pelan ini juga akan digunakan oleh SPP untuk membendung dan menangani isu integriti, tadbir urus dan rasuah di SPP dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dan pencapaian setiap inisiatif akan dipantau, dinilai dan dilaporkan kepada Pengurusan SPP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) SPP yang ditetapkan empat (4) kali setahun.

“Rasuah adalah barah amat bahaya serta terbukti menjadi punca penderitaan warga dan kemiskinan rakyat, menjadi punca kejatuhan kerajaan dan pemerintahan, keruntuhan negara dan empayar, serta keruntuhan tamadun dan budaya”

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

KOLEKSI MESEJ INTEGRITI



MESEJ INTEGRITI SPP
SIRI 1/2021



BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

PEGAWAI YANG DIARAHKAN
ATAU DIBENARKAN BDR
**HENDAKLAH SENTIASA
MEMATUHI** SEMUA UNDANG-
UNDANG, PERATURAN,
PEKELILING DAN ARAHAN YANG
BERKUAT KUASA

- ✓ BERADA DI RUMAH DALAM TEMPOH BDR YANG DITETAPKAN
- ✓ BOLEH DIHUBUNGI DALAM TEMPOH, HARI DAN WAKTU BEKERJA
- ✓ SENTIASA BERSEDIA UNTUK HADIR KE PEJABAT ATAU MANA-MANA LOKASI LAIN YANG DIARAHKAN OLEH KETUA JABATAN DALAM TEMPOH YANG MUNASABAH

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

UNIT INTEGRITI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



MESEJ INTEGRITI
SIRI 5/2021



PERATURAN 4(2)(j), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

"SAYA BERJANJI SAYA **TIDAK AKAN** BERMALAS-MALASAN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS"

"SAYA BERJANJI SAYA **AKAN** BERUSAHA UNTUK MENYELESAIKAN TUGASAN YANG DIBERI"

"SAYA BERJANJI SAYA **TIDAK AKAN** MENCARI ALASAN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SAYA"

"SAYA BERJANJI SAYA **TIDAK AKAN** CUAI DALAM MENJALANKAN TUGAS YANG DIBERIKAN"

UNIT INTEGRITI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SPP
SIRI 2/2021

INTEGRITI MEDIA SOSIAL

PEGAWAI AWAM **TIDAK BOLEH** SECARA LISAN ATAU BERTULIS ATAU DENGAN APA-APA CARA LAIN, MEMBUAT APA-APA PENYATAAN AWAM TANPA KEBENARAN.

(PERATURAN 19, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993)

DILARANG membuat sebarang komen atau pernyataan isu-isu yang menyentuh perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar kerajaan.

DILARANG cuba memprovokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan-peraturan dan undang-undang.

DILARANG menyebarkan maklumat palsu dan maklumat berbentuk hasutan dan lucah.

DILARANG berkongsi perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu.

UNIT INTEGRITI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SPP
SIRI 3/2021

ISYTIHAR HARTA ANDA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.3/2002
PERATURAN 10, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

SEMUA PEGAWAI DIKEHENDAKI MENGISYTIHARKAN HARTA APABILA:

- 1 DILANTIK KALI PERTAMA
- 2 DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN
- 3 MEMPEROLEH HARTA BARU
- 4 MELUPUSKAN HARTA
- 5 SETIAP LIMA TAHUN SEKALI

UNIT INTEGRITI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SIRI 4/2021 

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN

MEMBOCORKAN MAKLUMAT/DOKUMEN TERPERINGKAT DAN RAHSIA KERAJAAN ADALAH **SATU KESALAHAN**

JIKA DISABIT KESALAHAN TINDAKAN TATATERTIB AKAN DIKENAKAN SEHINGGA HUKUMAN **BUANG KERJA**

ARAHAN KESELEMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

SULIT

UNIT INTEGRITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SIRI 6/2021 

"HARAPKAN PAGAR, PAGAR MAKAN PADI"

PERATURAN 4(2)(C)(II), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN KEDUDUKAN AWAMNYA BAGI FAEDAHNYA SENDIRI

UNIT INTEGRITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SIRI 7/2021 

SENTIASA SEMAK PENYATA GAJI ANDA AGAR TIDAK TERJERUMUS DALAM KEMELUT KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

PERATURAN 13, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

UNIT INTEGRITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

MESEJ INTEGRITI SPP SIRI 8/2020 

SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH MEMBELAKANGKAN TUGAS AWAMNYA DEMI KEPENTINGAN PERIBADI

CONTOH **PELANGGARAN** PERATURAN 4(2)(a) :

1. Menguruskan perniagaan atau pelaburan sendiri atau pasangan, anak-anak atau saudara-mara dalam waktu pejabat atau tugas rasmi; dan
2. Menyebelahi atau memberi keutamaan kepada saudara-mara atau rakan-rakan dalam menimbangkan sesuatu permohonan.

PERATURAN 4 (2) (a), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) PINDAAN 2002

UNIT INTEGRITI, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

MESEJ INTEGRITI SPP SIRI 7/2020 

Larangan MENERIMA HADIAH

PENJAWAT AWAM **TIDAK DIBENARKAN** MENERIMA HADIAH SEKIRANYA BERKAITAN DENGAN TUGAS AWAMNYA DAN/ATAU NILAI HADIAH ITU TIDAK SEPADAN DENGAN MAKSUD HADIAH ITU DIBERI KECUALI DENGAN KEBENARAN **KETUA JABATAN**

LAPORKAN KEPADA **KETUA JABATAN** SEKIRANYA:

- ❖ SUKAR UNTUK MENOLAK HADIAH
- ❖ MERAGUI NILAI HADIAH TIDAK SEPADAN DENGAN MAKSUD HADIAH YANG DIBERIKAN

- PERATURAN 8, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993
- PP BILANGAN 3/1998 – GARIS PANDUAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
- SPP BILANGAN 5/2008 – PIHAK BERKUASA MELULUSKAN PENERIMAAN HADIAH OLEH JABATAN KERAJAAN

UNIT INTEGRITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



BAB 2

ISU DAN CABARAN

BAB 2

ISU DAN CABARAN

2.1 ISU-ISU

Isu rasuah ini wujud dalam pelbagai sektor dan bidang tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Berdasarkan penarafan semula risiko yang dilaksanakan oleh SPRM bagi tahun 2020 mendapati bahawa SPP telah dikategorikan sebagai berisiko sederhana. Secara umumnya, risiko rasuah di SPP boleh dibahagikan kepada tiga (3) iaitu:

a. Tadbir Urus

- Undang-undang /peraturan yang lapuk dan tidak relevan pada masa kini;
- Tiada semakan semula proses kerja;
- Kelemahan kawalan dalaman; dan
- Keperluan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan.

b. Integriti

- Kelemahan dalam membuat keputusan;
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas yang diberikan;
- Tahap pematuhan undang-undang dan prosedur yang rendah dalam kalangan warga SPP; dan
- Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika.

c. Rasuah atau salahguna kuasa dalam menjalankan tugas

- Campur tangan pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan;
- Salah guna kuasa budi bicara yang diperuntukkan dalam undang-undang;
- Kebocoran maklumat terperinci; dan
- Pihak tertentu mengambil peluang dan ruang untuk rasuah.


2.2 ANALISIS PERSEKITARAN & PENILAIAN RISIKO

Unit Integriti bersama Bahagian Pengurusan telah menghadiri Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah / *Critical Risk Management* (CRM) yang telah diadakan pada Oktober 2021. Melalui bengkel tersebut, Unit Integriti telah memperoleh pelbagai ilmu dalam memastikan pembangunan CRM dilaksanakan secara teratur.

Keutamaan dalam penyediaan CRM ini dibahagikan kepada tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko tadbir urus, integriti dan rasuah di SPP iaitu Pengoperasian, Kewangan dan Perolehan serta Pengurusan dan Pentadbiran.

Bidang Utama Yang Berisiko

Tiga (3) bidang utama tersebut yang terdedah kepada risiko tadbir urus, integriti dan rasuah adalah melalui empat (4) Bahagian di SPP seperti di Rajah 2.



Rajah 2: Bahagian Yang Terdedah Kepada Risiko

Manakala Bahagian/Unit lain akan terus dipantau melalui pelaksanaan pelan ini dalam tempoh lima (5) tahun.

Setiap risiko yang disenaraikan ditangani dengan penyelesaian untuk risiko rasuah atau salahlaku integriti dengan mengukuhkan kawalan sedia ada melalui penambahbaikan ke atas pemantauan, sistem, polisi dan proses kerja. Kaedah CRM juga telah mengesyorkan langkah penyelesaian yang bersesuaian seperti mana yang digariskan dalam pelan OACP ini.

Berdasarkan CRM yang telah dilaksanakan di SPP, sebanyak lapan (8) risiko kasar (mengambil kira tiada kenaikan langsung ke atas potensi rasuah) yang telah dikenalpasti daripada empat (4) Bahagian dan diklasifikasikan mengikut tahap risiko seperti Rajah 3.



Rajah 3: Bilangan Risiko Mengikut Tahap Risiko

Nabi Muhammad S.A.W. bersabda: “Barang siapa yang telah kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya sesuatu rezeki (gaji atau upah), maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul (pengkhianatan)”

Riwayat Abu Dauh, No. 2943, Albani: Hadith Sohih; Ma’alim As-Sunan, Al-Khattabi, 3/8 et Dar Kutub Ilmiah

2.3 STATISTIK KES SPP

Sepanjang tempoh 2016 hingga 2020, terdapat lima (5) kes tatatertib yang telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, hanya dua (2) kes sahaja yang dibuka kertas siasatan melibatkan SPP. Daripada siasatan tersebut, satu (1) daripada kes tersebut telah dibuang kerja seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Kes SPP (2016 hingga 2020)

TAHUN	JENIS HUKUMAN	BILANGAN	SABITAN
2016	Amaran	2	-
	Tangguh	1	-
	Pergerakan Gaji		
	Lucut Hak Emolumen	1	-
2017	Amaran	1	-
	Lucut Hak Emolumen	1	-
2018	-	-	-
2019	Buang Kerja	1	-
2020	-	-	-

2.4 STATISTIK SALAHLAKU DISIPLIN WARGA SPP

Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Hasil semakan daripada Unit Statistik, Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM), SPRM melalui sistem *Corruption Reporting Information System (CRIS)* mendapati tiada sebarang maklumat atau tohmahan diterima terhadap warga SPP bagi tahun 2016 hingga 2020.

2.5 BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

a. Pengoperasian

Pengoperasian merujuk kepada aktiviti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Tadbir urus yang ditambahbaik adalah penting bagi memastikan setiap urusan yang dilaksanakan adalah cekap, teratur dan tidak terdedah dengan rasuah dan salahguna kuasa.

b. Kewangan dan Perolehan

Kewangan dan perolehan melibatkan pelaksanaan dasar dan proses kerja yang melibatkan kewangan, peruntukan Jabatan dan perolehan. Kewangan dan perolehan merupakan bidang yang paling terdedah dengan aktiviti penyelewengan, rasuah dan salahguna kuasa. Usaha mengukuhkan tadbir urus kewangan dan perolehan Jabatan dapat membantu mengurangkan risiko rasuah dan risiko pembaziran wang Kerajaan.

c. Pengurusan dan Pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran merujuk kepada semua hal pentadbiran SPP. Amalan sistem dan proses kerja yang ditambahbaik dapat menutup ruang dan peluang kepada rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien juga dapat meningkatkan kualiti kerja warga SPP.

Saidina Ali bin Abi Talib berkata: “Sesungguhnya binasanya manusia terdahulu kerana mereka menghalang kebenaran sehingga ianya dibeli. Mereka membentangkan kezaliman sehingga ianya ditebus”

Ibn Muflih, Al-Adab Al-Syar'iyah, 1/201. Beirut: Muasasah Al-Risalah



BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH


BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 KEPERLUAN KERANGKA PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP)

Keperluan menangani isu rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa serta pelanggaran tata tertib berkaitan rasuah adalah amat penting dalam usaha menjaga kualiti perkhidmatan awam terutama bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang merupakan salah satu Suruhanjaya yang bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Amalan rasuah ini harus dihapuskan sebelum ianya menjadi barah dalam organisasi.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan matlamat tersebut, SPP telah menetapkan tiga (3) strategi utama bagi menangani amalan rasuah di SPP merangkumi bidang yang berisiko tinggi seperti Rajah 4.



Rajah 4: Bidang Berisiko Tinggi

3.2 KERANGKA OACP SPP



3.3 ANALISA KE ATAS PUNCA RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI DI SPP

Berdasarkan pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (*Critical Risk Management*) yang telah diadakan dengan penglibatan dari setiap wakil bahagian di SPP, sebanyak 63 elemen dikenalpasti boleh menjurus kepada berlakunya rasuah dan salahlaku integriti. Ia telah diklasifikasikan kepada empat (4) seperti di Rajah 5.




Rajah 5: Risiko Rasuah dan Salahlaku Integriti di SPP

“Nearly all men can stand adversity, but if you want to test a man’s character, give him power.”

Abraham Lincoln

3.4 ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

Dapatan analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 41 pelan tindakan akan diberi perhatian dan keutamaan berdasarkan risiko rasuah dan salah laku yang ditemui. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 yang menekankan analisis terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Penekanan akan diberikan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah. Hal ini dapat membantu memberi kesan yang positif terhadap kecekapan dan ketelusan SPP. Ringkasan 41 pelan tindakan berkenaan adalah seperti Rajah 6.



Rajah 6: Plot Pelan Tindakan Yang Berimpak Tinggi Dengan Kompleksiti Rendah

3.5 KEUTAMAAN STRATEGIK

Prinsip Pareto 80/20 memberi penekanan terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti di mana 20% pelan tindakan berimpak tinggi yang berkaitan dengan tiga (3) risiko utama rasuah dan salah laku di SPP. 20% keutamaan ini mewakili 41 pelan tindakan yang disenaraikan seperti berikut:

BIL.	NO. INISIATIF	TINDAKAN	KUADRAN	STRATEGI
1	1	Mengadakan latihan berkala berkaitan sistem dan prosedur kerja mengenai proses tapisan	A	1
2	12	Memastikan pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	B	1
3	15	Memantau proses kerja dan maklumat diterima secara berkala.	A	1
4	18	Menambahbaik proses kerja urusan perolehan di unit berkenaan	A	2
5	22	Memantau urusan perolehan daripada mula hingga akhir bagi setiap perolehan yang dilaksanakan.	A	2
6	27	Mewujudkan Polisi Pemberi Maklumat	B	3
7	31	Mencalonkan pegawai untuk menghadiri kursus di luar negeri/negara	A	3
8	33	Melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai yang telah lama berada di unit berkenaan	A	3
9	34	Mengadakan taklimat mendalam berkaitan <i>Integrity Pact</i> bersama SPRM	A	3

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGOPERASIAN

STRATEGI: **MEMPERKUKUH INTEGRITI PENGENDALIAN OPERASI**

OBJEKTIF: **MEMANTAPKAN NILAI INTEGRITI DALAM PENGENDALIAN OPERASI SPP**

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA
1	Mengadakan latihan berkala berkaitan sistem dan prosedur kerja mengenai proses tapisan	Bahagian Pengambilan	2021 - 2025
2	Mencalonkan pegawai menghadiri kursus di dalam dan luar negeri/negara	i) Bahagian Pengambilan ii) Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2023
3	Memberi sijil penghargaan / pengiktirafan kepada pegawai yang melaporkan isu rasuah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan	i) Bahagian Pengambilan ii) Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2025
4	Menambahbaik proses kerja urusan lantikan dengan memasukkan tatacara mengendalikan campur tangan individu berpengaruh/berkepentingan	Bahagian Pengambilan	2021 - 2022
5	Mengisytihar kepentingan di dalam MyPortfolio	Bahagian Pengambilan	2021 - 2022
6	Hebahan integriti berkaitan campur tangan individu berpengaruh/berkepentingan disediakan	Unit Integriti	2021 - 2025
7	Mewujudkan arahan dalaman berkaitan campur tangan individu dalam proses pelantikan Anggota Perkhidmatan Pendidikan	Bahagian Dasar dan Perancangan	2021 - 2023
8	Mengemaskini proses kerja bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan	Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2022

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA
9	Memberi latihan atau bengkel mengenai tatacara pelaksanaan urusan pengesahan dalam perkhidmatan	Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2025
10	Pemantauan oleh Setiausaha Bahagian secara berkala bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan	Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2022
11	Mengadakan latihan berkala berkaitan sistem dan prosedur kerja berkaitan pelanjutan tempoh percubaan	Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2025
12	Memastikan pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	Unit Integriti	2021 - 2022
13	Melaksanakan kursus atau latihan mendalam bersama JPA kepada pegawai penyiasat.	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	2021 - 2022
14	Memberi latihan kepada pegawai yang menguruskan rayuan kenaikan pangkat	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	2021 - 2025
15	Memantau proses kerja dan maklumat diterima secara berkala	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	2021 - 2022

BIDANG KEUTAMAAN 2: KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI: **MEMANTAPKAN KETELUSAN DALAM KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

OBJEKTIF: **MENINGKATKAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN SPP**

DILAKSANAKAN SECARA TELUS DAN AMANAH

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA
16	Memastikan pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, PK 2.2 dan Arahan Setiausaha Bil. 1 Tahun 2019	Unit Integriti	2021 - 2025
17	Memastikan pematuhan terhadap PK 2.2 - Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 melalui Aku Janji dan hebahan melalui emel	Unit Integriti	2021 - 2022
18	Menambahbaik proses kerja urusan perolehan di unit berkenaan	Bahagian Pengurusan	2021 - 2023
19	Memberi latihan insentif kepada pegawai yang dilantik berkaitan perolehan	Bahagian Pengurusan	2021 - 2025
20	Mengadakan latihan berkala berkaitan sistem dan prosedur kerja mengenai tatacara perolehan	Bahagian Pengurusan	2021 - 2022
21	Menasihati pegawai untuk mematuhi Kod Etika SPP dengan menandatangani Memo Edaran	Unit Integriti	2021 - 2022
22	Memantau urusan perolehan dari mula hingga akhir bagi setiap perolehan yang dilaksanakan	Bahagian Pengurusan	2021 - 2025
23	Mencalonkan pegawai untuk menghadiri kursus perolehan di dalam dan luar negeri/negara	Bahagian Pengurusan	2021 - 2025

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

STRATEGI: **MEMPERKASA KOMPETENSI DAN INTEGRITI PEGAWAI**

OBJEKTIF: **MENGUKUHKAN KOMPETENSI DAN INTEGRITI PEGAWAI SPP DALAM
PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA
24	Memastikan pematuhan terhadap Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 yang melibatkan pusingan kerja	Unit Integriti	2021 - 2022
25	Mewujudkan arahan dalaman berkaitan pemantauan penyelia	Bahagian Dasar dan Perancangan	2021 - 2023
26	Memastikan pematuhan kepada Garis Panduan tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada, individu berpengaruh/berkepentingan dengan menandatangani Memo Edaran	Unit Integriti	2021 - 2022
27	Mewujudkan Polisi Pemberi Maklumat	Bahagian Dasar dan Perancangan	2021 - 2025
28	Menasihati pegawai untuk mematuhi Kod Etika SPP dengan menandatangani Memo Edaran	Unit Integriti	2021 - 2022
29	Memberi penghargaan / pengiktirafan kepada pegawai yang melaporkan isu rasuah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan	Bahagian Pengambilan	2021 - 2025
30	Mengisytihar kepentingan di dalam MyPortfolio	i) Bahagian Pengambilan ii) Bahagian Pengurusan	2021 - 2022
31	Mencalonkan pegawai untuk menghadiri kursus di dalam dan luar negeri/negara	i) Bahagian Pengambilan ii) Bahagian	2021 - 2022

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA
		Perkhidmatan iii) Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	
32	Memberi sijil penghargaan bagi pegawai contoh bulanan	Bahagian Perkhidmatan	2021 - 2025
33	Melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai yang telah lama berada di unit berkenaan	Bahagian Pengurusan	2021 - 2022
34	Mengadakan taklimat mendalam berkaitan <i>Integrity Pact</i> bersama SPRM	Unit Integriti	2021 - 2023
35	Membuat peringatan mesra berkenaan Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2019	Unit Integriti	2021 - 2022
36	Memastikan pematuhan Arahan Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2019 berkaitan pemantauan dan penyeliaan secara berterusan	Unit Integriti	2021 - 2022
37	Mengesyorkan pegawai untuk menghadiri kaunseling bersama AKPK	Bahagian Pengurusan	2021 - 2022
38	Memastikan pematuhan kepada proses kerja seperti di MyPortfolio	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	2021 - 2025
39	Memantau proses kerja dan maklumat diterima secara berkala	Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	2021 - 2025
40	Memastikan pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan peraturan/pekeliling berkaitan	Unit Integriti	2021 - 2022
41	Melaksanakan peringatan integriti berkenaan pematuhan peraturan	Unit Integriti	2021 - 2023



BAB 4

TADBIR URUS OACP SPP

BAB 4

TADBIR URUS OACP SPP

4.1 MEKANISME PELAKSANAAN

OACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara pihak pengurusan tertinggi, warga SPP dan pemegang taruh (*Stakeholder*) untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP SPP telah ditubuhkan bagi melaksanakan beberapa tugas seperti:

- i. Penilaian Risiko Rasuah;
- ii. Pengesahan Dasar dan Penyelesaian;
- iii. Pelaksanaan Program dan Aktiviti; dan
- iv. Pemantauan dan Penilaian Prestasi.

4.2 MEKANISME PEMANTAUAN

Pemantauan bagi OACP SPP ini dilaksanakan bagi:

- i. Menjelaskan objektif program;
- ii. Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif;
- iii. Menterjemahkan objektif sebagai indikator prestasi dan sasaran;
- iv. Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap); dan
- v. Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan sebarang permasalahan.

4.3 MEKANISME PENILAIAN

Penilaian terhadap keberkesanan OACP SPP dilaksanakan dengan:

- i. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti;
- ii. Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai;
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang; dan
- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) SPP

- Menerima Laporan Prestasi Suku Tahun OACP;
- Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP SPP; dan
- Membuat keputusan dan menetapkan kaedah terbaik.

URUS SETIA – UNIT INTEGRITI, SPP

- Melaporkan status pelaksanaan OACP SPP setiap suku tahun kepada Pengurusan Tertinggi JAR SPP; dan
- Mendapat penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan.

PENYELARAS OACP BAHAGIAN

- Mengemukakan laporan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Unit Integriti SPP.

4.4 SEMAKAN SEMULA PEMBAHARUAN OACP

Pencapaian pelaksanaan bagi setiap inisiatif OACP SPP akan dinilai sekali setiap hujung tahun. Walau bagaimanapun, penilaian inisiatif ini tertakluk pada keupayaan unit yang bertanggungjawab dan akan dilaporkan mengikut kaedah yang dinyatakan di para 4.3. Pelaksana boleh mengutarakan sebarang permasalahan, kekangan mahupun penambahbaikan bagi tujuan penilaian semula semasa Mesyuarat JAR SPP yang dijalankan setiap empat (4) kali setahun setelah hal tersebut dipersetujui pada peringkat Jawatankuasa OACP.

“Whoever is careless with the truth in small matters cannot be trusted with important matters.”

Albert Einstein



BAB 5

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah mempamerkan komitmen dalam menyokong dasar anti-rasuah Kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SPP yang menyasarkan perancangan dalam tempoh lima (5) tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2025.

Bermatlamatkan untuk Malaysia menjadi sebagai sebuah negara yang bebas rasuah, pelan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk menyahut dasar Kerajaan. Pelan ini mengambil kira pandangan warga SPP secara holistik dan telah mengenalpasti tiga (3) strategi merangkumi 41 inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan anti-rasuah di SPP.

Dalam memastikan objektif OACP ini tercapai, komitmen daripada semua pihak adalah amat diperlukan terutamanya dari segi tindakan serta memastikan sumber manusia dan kewangan adalah mencukupi sebagaimana yang diperlukan.

Pemantauan, penilaian dan kajian keberkesanan secara berterusan juga adalah perlu bagi memastikan ianya selari dengan arus perdana. Rentetan itu, maklum balas secara berterusan daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan ianya relevan dari semasa ke semasa.

Selain itu, hala tuju baharu SPP dalam aspek penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta kelangsungan pelan ini pada masa hadapan bakal ditentukan oleh kejayaan pelaksanaan 41 inisiatif dalam tempoh lima (5) tahun akan datang selaras dengan visi OACP SPP iaitu "Menjadikan SPP bebas rasuah dan salahlaku menjelang 2025".

PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang membantu dalam memberi input dan kerjasama yang mantap dalam pembangunan OACP SPP.



MD RADZI BIN HASHIM

SETIAUSAHA



PUAN KHAIRIAH BINTI
AB RASHID

TIMBALAN SETIAUSAHA
(PENGAMBILAN DAN
PERKHIDMATAN)



ENCIK AHMAD TARMIZI BIN
ZAKARIA

TIMBALAN SETIAUSAHA
(PENGURUSAN)



JAWATANKUASA OACP

PUAN MARRIANEE ANAK JEMLIN

SETIAUSAHA BAHAGIAN (PENGURUSAN)

PUAN 'IZAHTUS SYUHADA BINTI ABDUL RAHIM

PENOLONG SETIAUSAHA (PERKHIDMATAN)

ENCIK MUHAMMAD AKMAL BIN AHMAD

PENOLONG SETIAUSAHA (PENGAMBILAN)

PUAN SITI 'ALIMIYYAH BINTI AB. RANI

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGURUSAN MAKLUMAT)

ENCIK MOHD HASIF BIN ABDUL RAHMAN

PENOLONG SETIAUSAHA (NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB)



URUS SETIA OACP

PUAN NURUL NADHIRAH BINTI MOHAMED YUSOFF

KETUA UNIT INTEGRITI

PUAN NORSHIDA BINTI SAHAT

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (UNIT INTEGRITI)

PUAN NOR EMIZIALIZA BINTI MOHAMED MARIZI

PEMBANTU TADBIR (UNIT INTEGRITI)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

2021 - 2025

SPP



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK F9, KOMPLEKS F, LEBUH PERDANA TIMUR,
PRESINT 1, 62000 PUTRAJAYA



03-8000 8000



03-8871 7499



<https://www.facebook.com/SPPHQ>



SPPMalaysia @SPPMy/Twitter